



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (1)
Tarikh : 04 Januari 2023
Bersamaan : 11 Jamadilakhir 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 1/2023 : PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2022(517) bertarikh 30 Disember 2022.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sekatan *overbajet* bagi OS17000 bayaran BKK Tahun 2023 di sistem iGFMAS akan dibuka mulai **13 Januari (Jumaat) sehingga 27 Januari 2023 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan *overbajet* ini adalah bagi membenarkan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan melaksanakan bayaran kepada pegawai yang tercicir atau tidak aktif di Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM).

3. Justeru itu, bagi PTJ yang terlibat melalui kaedah pembayaran tersebut, dipohon supaya mematuhi keseragaman perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini iaitu: **Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023**. Manakala kod akaun yang perlu digunakan adalah seperti berikut :

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

4. PTJ diingatkan juga supaya pembayaran BKK Tahun 2023 ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKK Tahun 2023 tidak dibuat pembayaran dua(2) kali kepada pegawai yang layak.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.